

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : SKUAD COMBI

61. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk memperkasakan Skuad Combi bagi menangani wabak penyakit berjangkit setempat seperti denggi?

JAWAPAN:

- a) Bagi memperkasakan aktiviti Combi, pihak Jabatan Kesihatan Negeri Selangor telah merancang dan melaksanakan beberapa aktiviti Combi bagi memberi kesedaran kepada komuniti dan masyarakat tentang perlunya menjaga kebersihan persekitaran daripada pembiakan Aedes. Antara aktiviti yg dilaksanakan adalah :

1. Bengkel memperkasakan sukarelawan Combi seluruh daerah di Negeri Selangor bagi memberi latihan kepada sukarelawan Combi menyampaikan mesej yang berkesan kepada komuniti.
2. Mengadakan bengkel kepada golongan belia bagi pelapis Combi.
3. Memperkasakan aktiviti Combi dalam kalangan pelajar sekolah sama ada sekolah rendah mahu pun sekolah menengah.
4. Program cari dan musnah setiap minggu oleh komuniti Combi.
5. Gotong royong secara berkala.
6. Travelog Combi yang mana perkongsian idea dan pengalaman oleh ahli-ahli Combi. Kawasan tumpuan adalah kawasan wabak tak terkawal dan *hotspot*.
7. Membuka pondok panas (*pit stop*).
8. Mengadakan pertemuan bersemuka dengan semua lokaliti COMBI secara mingguan oleh semua penyelar daerah bagi mengaktifkan, melatih dan memberi semangat selain memperkukuhkan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia dan komuniti.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : INDUSTRI PERTANIAN

62. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Dengan meningkatnya minat generasi muda dengan industri pertanian, apakah perancangan Kerajaan Negeri Selangor dalam menyediakan tapak-tapak pertanian serta sistem sokongan yang diperlukan termasuk benih, baja serta pemasaran hasil pertanian itu?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Selangor melalui beberapa program yang sedang dan telah dilaksanakan menumpukan banyak perhatian terhadap golongan muda. Bagi tahun 2019, beberapa program telah dijalankan bagi menyediakan tapak-tapak pertanian yang mampu menghasilkan produk pertanian yang lumayan. Antara projek yang sedang diusahakan adalah tanaman nanas MD2, tanaman roselle dan ternakan kelulut di daerah Sabak Bernam, tanaman dengan penggunaan teknologi plant factory, akuaponik, vertical farming dan air hydro pot di Gombak, penggunaan teknologi drone bagi sawah padi dan pembangunan program agroprenuer muda. Di bawah program agroprenuer Kerajaan Negeri menyediakan tapak dan bantuan dalam bentuk input serta kemudahan pembiayaan. Bagi tujuan pasaran, Kerajaan Negeri telah membangunkan pasar Selangor Agro Market (SAM) dan aplikasi yang dibangunkan oleh SSDU iaitu Smart Pasar dan Smart Petani serta kaedah pembayaran tanpa tunai (cashless) menggunakan e-wallet.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : TANAH RIZAB MELAYU

63. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik jumlah tanah rizab Melayu dari 2016 - 2019.
- b) Apakah langkah proaktif Kerajaan Negeri bagi mengganti semula tanah rizab Melayu yang telah ditukar status?

JAWAPAN:

- a) Mengikut rekod, **jumlah keluasan tanah Rizab Melayu yang telah diwartakan sehingga kini 31 Jun 2019 adalah sebanyak 401,022.2219 ekar.**
- b) Kerajaan Negeri Selangor sentiasa berusaha secara berterusan untuk mengekalkan keluasan Rizab Melayu sedia ada. Keluasan sedia ada adalah masih dalam keadaan terkawal dan dipantau secara rapi.

Pemantauan ini dibuat melalui pemakaian Pekeliling PTGS Bilangan 7/2001 mengenai Dasar dan Garis Panduan Pembatalan dan Penggantian Tanah Rizab Melayu dan Pekeliling PTGS Bilangan 3/2015 mengenai Garis Panduan Urusan Pembatalan dan Penggantian Tanah Rizab Melayu (TRM) Semasa Pengambilan Tanah Bagi Tujuan Awam Atau Kemudahan Awam Bagi Kegunaan Kerajaan Negeri Dan Kerajaan Persekutuan Di Negeri Selangor Darul Ehsan.

Usaha ini telah mendapat pengiktirafan daripada Kerajaan Malaysia melalui penerimaan Sijil Penghargaan Amalan Terbaik Pengumpulan Data Tanah Rizab Melayu yang telah disampaikan oleh Y.A.B Dato' Sri Dr. Wan Azizah binti Dr. Wan Ismail; Timbalan Perdana Menteri semasa Mesyuarat Majlis Tanah Negara yang diadakan pada 3 Disember 2018.

Tanah-tanah yang dimiliki oleh orang Melayu yang tidak terletak dalam kawasan tanah Rizab Melayu boleh mendapat insentif tanah Rizab Melayu dengan syarat mereka perlu memohon menukar status tanah milik mereka kepada tanah Rizab Melayu pegangan Melayu. Proses ini perlu mendapat kelulusan Kerajaan Negeri

untuk tanah milik mereka diisytiharkan sebagai tanah Rizab Melayu selaras dengan peruntukan Seksyen 3 Enakmen Rizab Melayu Bab 142 (ERM 1933).

Berdasarkan Pekeliling PTGS Bil 3/1994 mengenai Kelulusan Dasar, Tatacara Dan Pemberian Insentif Bagi Membangunkan Tanah Rizab Melayu Di Negeri Selangor. Antara insentif yang ditawarkan adalah pengurangan kadar premium, caruman parit dan caruman kubur sebanyak 50% dan premium tambahan dikenakan sebanyak 12.5% daripada kadar asal ke atas kelulusan tanah.

Maklumat Tambahan

Pecahan keluasan Tanah Rizab Melayu mengikut Daerah adalah seperti berikut :

DAERAH	JUMLAH KELUASAN TERKINI (EKAR)
PETALING	2,822.6800
GOMBAK	13,383.5232
KLANG	21,078.8780
SEPANG	31,370.6886
HULU SELANGOR	37852.8300
HULU LANGAT	33,795.3000
KUALA LANGAT	36,732.1300
KUALA SELANGOR	60,808.0411
SABAK BERNAM	163,178.1510
JUMLAH	401,022.2219

Sumber: Pejabat Daerah dan Tanah Seluruh Negeri Selangor

pengemaskinian sehingga 16 Julai 2019

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : PENCEROBOHAN HUTAN SIMPAN BUKIT CERAKAH

64. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri dalam memastikan Hutan Simpan Bukit Cerakah terus dipelihara dan dijamin dari pencerobohan dan penerokaan oleh pihak-pihak tidak bertanggungjawab?

JAWAPAN:

- a) Pada 15 Mac 2019, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) telah berjaya mengesan satu (1) kes pencerobohan tanah Hutan Simpanan Kekal (HSK) iaitu di Kompt. 32 Hutan Simpan Bukit Cherakah. Hasil siasatan mendapati pihak pemaju tanah telah menjalankan kerja-kerja tanah (earth works) di dalam kawasan HSK yang terletak bersebelahan tanah milik pemaju. Kes ini masih lagi di dalam peringkat siasatan dan kes ini disiasat di bawah Seksyen 81 (1)(g) iaitu "*Tiada seorang pun boleh, dalam hutan simpanan kekal iaitu menceroboh dengan apa jua cara yang sebelum ini tidak dilarang dalam seksyen ini*".

Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) sentiasa komited dalam memastikan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) Bukit Cherakah terus dipertahankan dan dipelihara bagi memastikan pengurusan sumber hutan secara berkekalan. JPNS tidak akan berkompromi dengan mana-mana individu ataupun pihak yang didapati telah melakukan kesalahan seperti menceroboh kawasan HSK. Sekiranya sabit kesalahan, pihak berkenaan akan dihukum dengan sewajarnya mengikut mana-mana seksyen yang berkaitan seperti yang diperuntukkan di bawah Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

TAJUK : HAKMILIK TANAH KAMPUNG FATIMAH, BANDAR SUNGAI EMAS

65. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sekumpulan 37 isi rumah India yang menetap di Kampung Fatimah, Bandar Sungai Emas pernah memohon untuk diberi hakmilik tanah untuk rumah mereka beberapa antara tahun 2008 hingga 2013. Apakah status terkini?

JAWAPAN:

- a) i. Pentadbiran ini pernah menerima permohonan pemberimilikan daripada beberapa individu di bawah Seksyen 76 KTN beberapa kali di antara 2008 sehingga 2013 dari penduduk Kampung Fatimah. Permohonan ini telah diangkat kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan menerusi Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) bil. 28/2012 bertarikh 01 Ogos 2012 telah meluluskan pelupusan secara Lesen Pendudukan Sementara (LPS) kepada penduduk di Kampung Fatimah untuk tujuan kediaman. Ini adalah kerana tanah yang diduduki sebahagiannya terletak di atas rizab sungai.
- ii. Pada tahun 2013, Pentadbiran ini telah menerima lagi permohonan pemberimilikan di bawah Seksyen 76 KTN daripada 37 orang pemohon dari Kampung Fatimah. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) bil. 30/2013 bertarikh 09 Oktober 2013 telah mengambil maklum bahawa keluasan yang boleh dipertimbangkan untuk pelupusan secara pemberimilikan tanah di bawah Seksyen 76 KTN perlu mengikut piawaian Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) iaitu di luar lingkungan 50 meter rizab sungai.
- iii. Dalam tempoh 2013 sehingga 2018, penduduk di Kampung Fatimah telah mendapat Lesen Pendudukan Sementara (LPS) berdasarkan keputusan MMKN bil. 28/2012 melalui Notis 4A dan memperbaharui LPS tersebut setiap tahun. Pada tahun 2019, Pentadbiran ini sekali lagi telah menerima permohonan Jadual 1 daripada 37 pemohon dari Kampung Fatimah dan kini Pentadbiran ini dalam proses mendapatkan semula ulasan daripada JPS bagi mengesahkan sempadan 50 meter rizab sungai untuk menentukan pemohon yang layak dipertimbangkan untuk dilupuskan secara pemberimilikan tanah di bawah Seksyen 76 KTN 1965.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI
(N49 SUNGAI KANDIS)**

TAJUK : GEJALA SOSIAL DI KALANGAN KANAK-KANAK BAWAH UMUR

66. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah program yang telah dirancang oleh Kerajaan Negeri bagi menangani masalah sosial di kalangan kanak-kanak bawah umur?
- b) Senaraikan secara terperinci jenayah yang melibatkan kanak-kanak bawah umur.
- c) Apakah terdapat usaha Kerajaan bagi menangani gejala mengandung anak luar nikah di kalangan remaja?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri (JKMN) Selangor sentiasa melaksanakan program bagi memastikan kesejahteraan kanak-kanak.

JKMN Selangor menguruskan kes perlindungan kanak-kanak dan jenayah melibatkan kanak-kanak menggunakan peruntukan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001. Selain itu, JKMN Selangor menganjurkan pelbagai program/perkhidmatan bagi menangani masalah sosial di kalangan kanak-kanak seperti berikut:

1. Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK)

Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) menyediakan program berbentuk seminar, kursus dan bengkel serta intervensi berbentuk motivasi, bimbingan kaunseling dan sukan. Sehingga kini, Selangor mempunyai 17 buah PAKK seperti di bawah:

BIL.	DAERAH	NAMA PUSAT AKTIVITI KANAK-KANAK (PAKK)
1	Petaling	1. PAKK Taman Medan
		2. PAKK Taman Putra Damai

BIL.	DAERAH	NAMA PUSAT AKTIVITI KANAK-KANAK (PAKK)
		3. PAKK Shah Alam
		4. PAKK Subang Jaya
2	Klang	1. PAKK Taman Seri Perantau
3	Sabak Bernam	1. PAKK Taman Gemilang
		2. PAKK Taman Perpaduan
4	Gombak	1. PAKK Kg. Bendahara
		2. PAKK Bandar Tasik Puteri
		3. PAKK Hulu Klang
5	Hulu Selangor	1. PAKK Wawasan Gemilang
6	Kuala Langat	1. PAKK Banting Baru
		2. PAKK Kg. Kundang
7	Sepang	1. PAKK Salak Tinggi
		2. PAKK Taman Putra Perdana
8	Kuala Selangor	1. PAKK Kuala Selangor
9	Hulu Langat	1. PAKK Kajang

2. Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak (PKKK)

PKKK ditubuhkan di setiap daerah bagi berfungsi sebagai sistem sokongan kepada perkhidmatan pemulihan kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah atau masalah sosial. Ahli PKKK dilantik daripada golongan masyarakat setempat yang mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam bidang kanak-kanak. Selain itu, PKKK akan dianggotai oleh Pegawai Kanan Polis dan Pegawai Perubatan. Mereka akan membantu Jabatan dalam menggalakkan penyertaan masyarakat dalam pencegahan jenayah dan kerosakan akhlak dalam kalangan kanak-kanak.

3. Pasukan Pelindung Kanak-Kanak (PPKK)

PPKK ditubuhkan di setiap daerah berfungsi sebagai sistem sokongan kepada perkhidmatan perlindungan kanak-kanak. Di antara aktiviti yang dikendalikan

oleh PPKK ialah Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) yang dirancang dan dilaksanakan mengikut keperluan masyarakat setempat.

4. Pusat Peduli Kanak-Kanak Negeri Selangor (PPKKN)

Di samping PAKK yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Selangor dalam proses mempertimbangkan peruntukan bagi penubuhan 3 Pusat Peduli Kanak-Kanak Selangor di Subang Jaya, Kota Damansara dan Hulu Selangor.

PPKKN ini ditubuhkan sebagai satu strategi di dalam pembangunan komuniti untuk perlindungan, keselamatan dan integrasi sosial kanak-kanak. Ia menumpukan perhatian kepada kanak-kanak yang memerlukan ruang untuk melakukan aktiviti di samping mengisi masa lapang dengan cara yang positif.

PPKKN juga merupakan satu institusi alternatif kepada perlindungan kanak-kanak di dalam komuniti.

5. Kempen Keselamatan Kanak-Kanak Di Sekolah Sahabat Bijak Sahabat Bijak: Safe & Protect.

Kempen ini adalah bagi tujuan:

- a) Menyebar luas maklumat berkaitan keselamatan kanak-kanak
- b) Memberi kesedaran kepada ibu bapa/penjaga, guru-guru serta masyarakat tentang pentingnya untuk menjaga keselamatan kanak-kanak
- c) Memberi pendedahan literasi undang-kepada semua pihak berkaitan hukuman yang dikenakan kepada pesalah kanak-kanak
- d) Memberi pendedahan kepada kanak-kanak, ibu bapa/penjaga, guru-guru serta masyarakat tentang bentuk-bentuk bantuan berkaitan dengan keselamatan kanak-kanak

JKMN Selangor akan mengadakan Kempen Keselamatan Kanak-Kanak Di Sekolah Sahabat Bijak Sahabat Bijak: Safe & Protect di sekolah-sekolah bagi memberi advokasi kepada kanak-kanak berkenaan hak mereka sebagai kanak-kanak. Program Sahabat Bijak bagi tahun 2019 akan diadakan di daerah berikut seperti jadual di bawah:

- 1) Kuala Langat - 25 Julai 2019
- 2) Sabak Bernam - 31 Julai 2019

- 3) Petaling - 27 Ogos 2019
- 4) Kuala Selangor - 30 Ogos 2019
- 5) Gombak - 3 September 2019
- 6) Hulu Langat - 24 September 2019

6. Talian Kasih 15999

Selain itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat juga telah menyediakan satu talian *hotline* iaitu Talian Kasih 15999 bagi mana-mana pihak membuat sebarang aduan berkenaan penderaan atau masalah sosial berkaitan kanak-kanak pada bila-bila masa.

- b) Statistik saspek kes jenayah seksual yang melibatkan tangkapan kanak-kanak bawah umur bagi Kontinjen Selangor 2016 hingga 2019 (Jan~Jun 2019)

Kesalahan	2016	2017	2018	(Jan-Jun 2019)
Cabul	18	15	19	15
Rogol	67	62	51	33
Luar Tabii	10	12	7	3
Mengaibkan Kehormatan	4	1	0	2
Buang Bayi	2	0	2	1
Pecah Rumah	35	7	12	10
Samun	30	45	1	1
Jumlah	166	142	92	65

- c) Selain daripada program yang dinyatakan di atas bagi menangani isu sosial berkaitan kanak-kanak, Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan pusat perlindungan bagi kanak-kanak mengandung luar nikah sebagai usaha memastikan kanak-kanak dan bayi sentiasa dilindungi. Pusat perlindungan ini menyediakan aktiviti yang sesuai dan dirancang khas untuk para penghuni seperti kelas memasak, kelas menjahit, kelas agama dan perkhidmatan kaunseling.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : BANTUAN KEWANGAN KEPADA SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN**

67. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kerajaan sentiasa memberi kewangan kepada sekolah bantuan Kerajaan Persekutuan iaitu sekolah jenis kebangsaan, sekolah agama, sekolah mubaligh dan sekolah persendirian cina. Adakah kerajaan Negeri dapat menetapkan tarikh akhir untuk bantuan ini?

- b) Jika ya, sila nyatakan tarikh.

Kalau tidak mohon sebab-sebabnya.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri ada menyediakan dana khas untuk penambahbaikan infrastruktur Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan dan Sekolah Menengah Persendirian Cina, melalui Program Bantuan Sekolah. Bagi tahun 2019 Kerajaan Negeri akan melaksanakan program ini melalui 2 fasa. Fasa pertama kini dalam penilaian dan agihan bantuan dijangka akan diagihkan pada bulan Ogos 2019 dan Fasa 2 bantuan akan dibuka untuk permohonan pada bulan Ogos kelak.

- b) Agihan bantuan untuk Program Bantuan Sekolah untuk Fasa 1 akan dilaksanakan pada bulan Ogos kelak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : SASARAN DAN PERANCANGAN SEMPENA TAHUN MELAWAT
MALAYSIA 2020**

68. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah sasaran dan perancangan kerajaan bagi meningkatkan jumlah pelawat ke Negeri Selangor sempena Tahun Melawat Malaysia 2020?

JAWAPAN:

- a) Sasaran bagi kedatangan pelancong ke Malaysia yang telah disasarkan oleh pihak Tourism Malaysia pada tahun 2020 adalah seramai **30 juta orang pelancong** dalam dan luar Negara. Manakala, sasaran kedatangan pelancong ke Negeri Selangor yang telah disasarkan oleh pihak Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor adalah sebanyak **7.9 juta pelancong** dalam dan luar Negara.

Bagi meningkatkan kedatangan pelawat dan pelancong ke negeri Selangor. Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor akan memfokuskan skop pelancongan domestik ataupun *inbound* melalui penganjuran program promosi. Antara program yang telah dijalankan dan akan diteruskan pada tahun 2020 adalah seperti seperti Program Pameran MATTA Fair, Program Pameran MITA Fair, Program Promosi Pesona Selangor Jelajah Negeri dan Skuad Kembara Sekolah.

Bagi pasaran antarabangsa, beberapa pasaran utama akan difokuskan seperti, China, India, Timur Tengah, Eropah, Jepun dan Negara-Negara ASEAN. Pihak Tourism Selangor bekerjasama rapat dengan pihak Tourism Malaysia dan akan menyertai pameran-pameran diperingkat antarabangsa yang berkonsepkan B2B (*Business to Business*) & B2C (*Business to Consumer*) seperti World Tourism Mart -London (WTM), ITB Berlin, Arabian Travel Market (ATM), dan Program *Roadshow* untuk beberapa Negara yang terpilih bagi mempromosi produk-produk dan pakej-pakej pelancongan di negeri Selangor khususnya.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor juga mempergiatkan penyaluran maklumat produk pelancongan melalui platform online dan digital. Pihak Tourism Selangor telah dan sedang melancarkan platform penyaluran

maklumat-maklumat di media sosial di dalam bahasa asal pasaran-pasaran pelancong yang berpotensi yang tinggi dalam meningkatkan kedatangan pelancong ke Negeri Selangor seperti Jepun, China, dan Negara-Negara Timur Tengah. Antara usaha yang telah dan sedang dijalankan adalah seperti berikut:-

- Pelancaran Kempen Digital dan online bagi pasaran Jepun melalui platform rasmi Tourism Selangor seperti Facebook, Twitter, Instagram dan Laman Web Direktori Pelancongan dalam bahasa Jepun.
- Pelancaran Kempen Promosi Digital melalui Facebook Rasmi Tourism Selangor dalam bahasa Arab.
- Pelancaran Kempen Promosi Digital bagi pasaran China, Hongkong dan Taiwan melalui Facebook Bahasa Mandarin, Weibo dan Wechat.

Selain itu, usaha penjenamaan laman web Tourism Selangor kepada Selangor.Travel juga merupakan salah satu langkah proaktif Tourism Selangor bagi memastikan saluran maklumat pelancongan dapat disampaikan secara efektif dan berkesan di pasaran global.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI
(N12 JERAM)**

TAJUK : SERAHAN LEWAT KEMUDAHAN INFRA DARI PEMAJU KAWASAN

69. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan terhadap pemaju yang tidak membuat serahan jalan dan kemudahan rekreasi kepada MDKS setelah kemudahan tersebut lengkap disiapkan?

- b) Kenapa berlaku kelewatan dalam membuat penyerahan?

JAWAPAN:

- a) Pihak MDKS akan mengeluarkan notis pengambilalihan kepada pihak pemaju supaya mengemukakan inventori jalan berkaitan untuk tindakan pengambilalihan kawasan jalan bagi tujuan selenggara dan kemaskini rekod jalan di dalam sistem MARRIS dalam talian.

- b) Pihak pemaju lewat membuat penyerahan jalan disebabkan perkara berikut:
 - i) Jalan mempunyai kerosakan struktur yang masih memerlukan tindakan pembaikan semula yang masih belum diambil tindakan pembaikan oleh pihak pemaju.

 - ii) Jalan / laluan jaringan jalan masih diguna pakai oleh pihak pemaju bagi tujuan pembinaan untuk fasa-fasa pembangunan lain oleh pemaju yang sama (Pembangunan Berfasa)

 - iii) Tempoh tanggungan kecacatan pembinaan jalan yang masih berkuatkuasa dan perlu dibaiki dan diselenggara oleh pihak pemaju.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : RUMAH IDAMAN RAKYAT SELANGOR

70. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini inisiatif Rumah Idaman Rakyat Selangor?

- b) Apakah kelayakan dan kaedah untuk memiliki Rumah Idaman Rakyat Selangor?

JAWAPAN:

- a) Rumah Idaman Rakyat Selangor kini didalam proses untuk mendapatkan kebenaran merancang dari pihak berkuasa tempatan.

- b) Syarat kelayakan dan kaedah untuk memiliki Rumah Idaman Rakyat Selangor adalah sama seperti Rumah Selangorku. Permohonan adalah menerusi website <http://ehartanah.lphs.gov.my/lphs/>.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : JALAN BARAT PETALING JAYA

71. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status cadangan pertukaran nama Jalan Barat di Petaling Jaya kepada Jalan V. David?

JAWAPAN:

- a) Setakat ini, Majlis belum menerima sebarang arahan atau cadangan untuk menamakan semula nama Jalan Barat kepada Jalan V. David.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN
(N53 MORIB)**

TAJUK : ISU KAMPUNG TRADISI KANCHONG DARAT

72. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan EXCO Luar Bandar dan Kerajaan Tempatan berkenaan isu yang mana sebuah kampung tradisi Kanchong Darat Kuala Langat yang mempunyai keluasan penduduk dan jajahan yang luas bagi seorang ketua kampung?

JAWAPAN:

- a) Kajian Pelan Halatuju Strategik Desa Negeri Selangor 2035 yang telah dijalankan pada tahun 2017 telah mengenalpasti Kampung Kanchong Darat, Kuala Langat sebagai sebuah **kampung tradisi berpotensi warisan** berkeluasan seluas 1,536.25 hektar dengan jumlah penduduk seramai 12,000 orang. Berdasarkan Cadangan Tindakan Strategik Khusus-1 (TSK-1) Tindakan 2, dicadangkan persempadanan semula kawasan kampung dengan pembentukan 'kampung-kampung' yang mana jumlah penduduknya kurang daripada sasaran '10,000 penduduk'.

Pada masa ini, Kerajaan Negeri melalui Kerajaan Negeri Selangor melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor dan PLANMalaysia@Selangor (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor) sedang memuktamadkan **Pelan Tindakan Penstrukturan Semula Kampung Dalam Bandar Negeri Selangor 2019-2023** (PTK Desa) yang melibatkan kos sebanyak RM1.5 juta. Ianya memfokuskan kepada **27** buah **kampung dalam bandar** yang mana Kampung Kanchong Darat tidak termasuk dalam kajian ini.

Sebagai permulaan, kajian ini menyediakan suatu pelan tindakan komprehensif perancangan termasuklah mengkaji aspek persempadanan semula kampung-kampung dalam bandar ini memandangkan terdapat sesetengah kampung ini menerima tekanan pembangunan yang tinggi serta mempunyai bilangan penduduk sehingga 100,000 orang seperti di Kampung Bukit Naga, Klang yang mana perlu diberi perhatian terlebih dahulu.

Untuk makluman bersama, pihak yang berkaitan iaitu penduduk kampung / Yang Berhormat ADN Kawasan boleh mencadangkan kepada Pejabat Daerah dan

Tanah berkaitan untuk memecahkan pentadbiran ataupun sempadan Kampung Tradisi berkenaan namun perlulah memenuhi kriteria – kriteria yang dinyatakan di dalam Garis Panduan Dasar, Tatacara, Peraturan mengenai Pelantikan dan Perkhidmatan Ketua Kampung Tradisi serta Urusan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Negeri Selangor seperti berikut:

- (i) Kampung tersebut merupakan sebuah Kampung Tradisi;
- (ii) Pemecahan sebuah Kampung Tradisi sedia ada disebabkan oleh pendudukan sesebuah kampung asal terlalu padat;

Sesebuah kawasan kampung juga perlu mempunyai kemudahan – kemudahan asas seperti masjid dan sekolah bagi keperluan penduduk. Pelbagai perkara juga perlu diperhalusi dan dipertimbangkan sebelum ianya diangkat sebagai satu keputusan kerana ianya melibatkan pelbagai pihak berwajib dan agensi yang akan terlibat sama di dalam membuat keputusan dasar tersebut.

Selain daripada itu, ianya juga akan melibatkan pertambahan peruntukan pembangunan, peruntukan belanja mengurus dan pelbagai kemungkinan yang akan memberi implikasi kewangan kepada jabatan dan pentadbiran Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : RUMAH PRIMA

73. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah terkini Rumah Prima yang telah siap, sedang dibina dan telah diluluskan di Selangor?

- b) Apakah pelan jangka panjang pembinaan Rumah Prima di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah projek perumahan PR1MA yang direkodkan oleh Kerajaan Negeri sehingga 30 Jun 2019 adalah sebanyak **39,472 unit** dengan **29 projek**. Daripada jumlah tersebut, hanya **1 projek dengan 325 unit** telah disiapkan dan diserahkan kunci kepada pembeli manakala **6 projek dengan 3,617 unit** masih dalam pembinaan serta baki **22 projek dengan 35,530 unit** masih lagi dalam peringkat perancangan oleh pihak Perbadanan PR1MA Malaysia. Jadual perincian Perumahan PR1MA mengikut status pembangunan adalah seperti berikut:-

Status Projek	Bilangan Projek (Unit)
Siap Bina	1 (325)
Dalam Pembinaan	6 (3,617)
Dalam Perancangan	22 (35,530)
JUMLAH	29 (39,472)

- b) Kerajaan Negeri sentiasa menyokong usaha-usaha yang dibuat oleh pihak PR1MA untuk mewujudkan perumahan mampu milik demi merealisasikan projek untuk kesejahteraan rakyat khususnya di Negeri Selangor. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri telah mewujudkan satu dasar khusus iaitu Dasar Rumah Selangorku Berkaitan Pembangunan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) (Pindaan 2018) yang mana dasar tersebut telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 26/2017 yang diadakan pada 09 Ogos 2017 dan telah diluluskan oleh MMKN Ke 27/2017 pada 16 Ogos 2017. Pindaan tahun 2018 dibuat berdasarkan kepada penguatkuasaan Dasar Rumah Selangorku 2.0 yang telah diluluskan dan disahkan oleh MMKN ke 6/2018 bertarikh 28 Februari 2018 bagi menggantikan Dasar Rumah Selangorku terdahulu. Dasar tersebut secara rasminya digunapakai berkuatkuasa mulai 02 April 2018. Dasar tersebut juga bertujuan untuk memaklumkan kepada semua agensi kerajaan dan swasta seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan-Jabatan Teknikal, Pejabat Tanah Daerah (PTD), pemaju dan semua penggiat industri dalam sektor perumahan.

Antara tindakan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sebagai pemudahcara pelaksanaan pembinaan Rumah PR1MA di negeri Selangor adalah seperti berikut:

- i) Menyediakan Pusat Setempat (One Stop Centre) di LPHS melalui Jawatankuasa Induk Rumah Selangorku bagi membincangkan komponen penyediaan Rumah Mampu Milik / Rumah Selangorku dan memudahcara / mempercepatkan proses-poses permohonan / kelulusan.
- ii) Membenarkan peningkatan densiti pembangunan di antara 90 unit / ekar sehingga 120 unit per ekar tertakluk kepada zon pembangunan dengan mengambilkira kesesuaian lokasi / tapak cadangan, kemudahan infrastruktur seperti jalan keluar masuk (keperluan Laporan "Traffic Impact Assesement" (TIA) dan keperluan mematuhi syarat teknikal yang ditetapkan oleh PBT.
- iii) Mempromosikan / menyebarkan projek-projek rumah PR1MA supaya diketahui oleh rakyat jelata bagi memudahkan rakyat membuat semakan / permohonan.

Oleh itu, Kerajaan Negeri bersedia membantu PR1MA dengan merangka sebarang sebarang pelan tindakan sama ada jangka masa pendek, sederhana atau panjang sekiranya terdapat permintaan khusus dari Kerajaan Persekutuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : SELANGOR BIO BAY

74. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk membuka ruang kepada pelabur dalam bidang bioteknologi lain selain kosmetik, sains hayat, farmaseutikal dan industri berkaitan sawit bagi meletakkan pelaburan mereka di Selangor Bio Bay?

JAWAPAN:

- a) Secara dasarnya, Selangor Bio Bay dibangunkan oleh pihak Kerajaan Negeri melalui Central Spectrum (M) Sdn Bhd bagi menyediakan kemudahan prasarana kepada pelabur yang terlibat dalam industri berasaskan bio-teknologi. Selangor Bio Bay berperanan sebagai penyumbang kepada ekonomi serta memperkukuhkan transformasi ke arah Smart Selangor.

Selain dari bidang kosmetik, sains hayat, farmaseutikal dan industri berkaitan sawit, Selangor Bio Bay juga membuka ruang kepada pelabur dari lain-lain industri yang mempunyai elemen bioteknologi.

Walaupun bagaimanapun, kesemua aktiviti adalah tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan termasuk Jabatan Alam Sekitar

Sumber : Central Spectrum (M) Sdn Bhd

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : FIBER OPTIK

75. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan status terkini kerja-kerja penyediaan infrastruktur fiber optik dan lain-lain teknologi dalam daerah Hulu Selangor?
- b) Nyatakan jumlah kos yang sudah dibayar untuk tujuan menaiktaraf infrastruktur fiber optik tersebut?

JAWAPAN:

- a) Sehingga waktu ini, pembangunan rangkaian gentian optik untuk daerah Hulu Selangor masih dalam kajian dan perancangan oleh pihak SMARTSEL. Kajian dan perancangan ini berbeza dengan syarikat telekomunikasi sedia ada di mana syarikat-syarikat tersebut mempunyai rancangan mereka tersendiri bergantung kepada pelan perniagaan setiap syarikat.
- b) Setakat ini, pihak SMARTSEL masih belum mengenal pasti jumlah sebenar kos menaiktaraf infrastruktur gentian optik kerana masih dalam peringkat kajian dan rancangan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI
(N12 JERAM)**

TAJUK : STESYEN BAS

76. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bolehkah saya mohon Kerajaan Negeri untuk membina stesyen bas bagi membantu penduduk mendapatkan khidmat pengangkutan awam yang lebih selesa dan jimat di Puncak Alam?

JAWAPAN:

- a) Permohonan bagi membina kemudahan pengangkutan awam seperti stesen bas boleh dikemukakan sekiranya mempunyai cadangan lokasi dan tapak yang sesuai serta status tanah yang perlu dijelaskan terlebih dahulu.

Walaupun bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat penyediaan stesen bas atau terminal ini memerlukan kos yang tinggi dan peruntukan Kerajaan Negeri Selangor adalah terhad bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan yang lebih penting perlu diutamakan. Oleh yang demikian, pembinaan stesen ini juga tertakluk kepada kemampuan kewangan atau peruntukan yang diperolehi daripada kerajaan pusat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : INSTITUT PEMBERDAYAAN PEKERJA

77. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah Peruntukan Institut tersebut telah digunakan untuk program/pengurusan (jika ada)?
- b) Senarai jawatankuasa yang terlibat di dalam mengurus institut tersebut?
- c) Sejauh manakah rancangan-rancangan yang telah dibuat oleh Institut tersebut dalam usaha membedayaan kaum pekerja?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : SKIM SPS DAN KISS

78. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Siapakah panel pemilih dan apakah kriteria pemilihan mereka yang mendapat kad SPS dan KISS?

- b) Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk menangguhkan pembatalan kad SPS buat sementara waktu kerana ramai penerima yang mengeluh kerana tidak dimaklumkan?

JAWAPAN:

Ramai di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengemukakan soalan berkaitan Peduli Sihat. Justeru, soalan berkaitan Peduli Sihat akan dijawab bersekali dengan soalan soalan no. 30 dari YB Pandamaran, soalan no.84 dari YB Bukit Lanjan, soalan no.80 dari YB Sungai Air Tawar, soalan no.163 dari YB Pelabuhan Kelang, soalan no.168 dari YB Sungai Panjang dan soalan no 232 dari YB Kuala Kubu Baru.

(a) dan (b) dijawab bersekali :-

Untuk makluman Yang Ahli-ahli Berhormat, Skim Peduli Sihat merupakan salah satu langkah pencegahan yang dicetuskan oleh Kerajaan Negeri bagi menangani penyakit tidak berjangkit. Melalui program ini, masyarakat digalakkan untuk membuat saringan kesihatan bagi mengawal penyakit ke tahap yang lebih kritikal. Program ini bukanlah satu tanggungan Kerajaan Negeri untuk menampung perbelanjaan rawatan kesihatan kerana perkhidmatan rawatan kesihatan telahpun disediakan di hospital-hospital dan klinik kesihatan dengan kadar serendah RM1.00 sahaja.

Seperti yang kita semua sedia maklum, satu tempoh pengemaskinian bagi Skim Peduli Sihat telah dilakukan pada 1 Mei 2019 sehingga 31 Mei 2019. Proses pengemaskinian ini telah menetapkan syarat kelayakan yang baru seperti berikut:-

- i. Warganegara Malaysia yang lahir di Negeri Selangor atau telah menetap di Negeri Selangor melebihi 10 tahun;

- ii. Bagi kategori keluarga, pendapatan isi rumah sebanyak RM2,000 dan ke bawah;
- iii. Bagi kategori Individu, berumur 21 tahun dan keatas dan pendapatan RM1,500 dan ke bawah;
- iv. Tersenarai dalam data E-Kasih (miskin tegar dan miskin) atau penerima Bantuan Sara Hidup bagi tahun 2018; dan
- v. Pemegang kad yang aktif dalam tempoh 2 tahun.

Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 10/2019 dan disahkan pada Mesyuarat MMKN ke 11/2019 telah bersetuju menghadkan bilangan penerima manfaat kepada 65,000 kad sahaja dengan jumlah peruntukan tambahan sebanyak RM32.5 juta bagi proses pengemaskinian tersebut.

Lanjutan itu, mesyuarat MMKN ke 9/2019 yang disahkan pada mesyuarat MMKN ke 10/2019 telah bersetuju pembahagian penerima Peduli Sihat adalah mengikut Kuota iaitu berdasarkan bilangan pengundi. Bagi kawasan Dewan Negeri yang mempunyai bilangan pengundi di bawah 30,000 orang, kuota penerima Peduli Sihat adalah 700 kad dan seterusnya adalah seperti jadual di bawah :

Bil	Kategori Pengundi	Penerima Per DN
1	Pengundi Bawah 30K	700
2	Pengundi 30K-45K	1,021
3	Pengundi 45K-60K	1,381
4	Pengundi Atas 60K	1,690

YB Bukit Lanjan bertanyakan jumlah penerima Peduli Sihat sebelum penjajaran adalah sebanyak 392,798 kad dan selepas proses pengemaskinian dilakukan, sebanyak 86,004 kad adalah layak memenuhi kriteria baru. Walaubagaimanapun, berdasarkan sistem kuota yang ditetapkan, sebanyak 55,277 kad sahaja telah diaktifkan pada 1 Jun 2019.

YB Pandamaran dan YB Pelabuan Klang telah bertanyakan bilangan penerima yang telah diaktifkan mengikut Dewan Negeri selepas penjajaran adalah seperti jadual di bawah:

DUN	JUMLAH AHLI AKTIF	DUN	JUMLAH AHLI AKTIF	DUN	JUMLAH AHLI AKTIF
N01	700	N20	1,296	N39	1,377
N02	703	N21	694	N40	1,107
N03	1,021	N22	752	N41	1,382
N04	701	N23	1,153	N42	1,021
N05	700	N24	1,379	N43	1,014
N06	699	N25	1,680	N44	566
N07	1,381	N26	1,375	N45	1,360
N08	705	N27	699	N46	1,015
N09	700	N28	1,023	N47	1,375
N10	826	N29	1,353	N48	819
N11	701	N30	1,646	N49	1,369
N12	725	N31	726	N50	1,097
N13	704	N32	1,374	N51	1,018
N14	1,430	N33	1,035	N52	1,018
N15	941	N34	450	N53	1,014
N16	1,014	N35	362	N54	698
N17	790	N36	294	N55	1,392
N18	1,154	N37	864	N56	704
N19	1,101	N38	1,019		

YB Sungai Air Tawar meminta maklumat pecahan penerima Peduli Sihat selepas Penjajaran mengikut Kaum. Berikut adalah pecahan penerima mengikut kaum:

BANGSA	JUMLAH AHLI	PERATUSAN (%)
MELAYU	26,385	47.73%
CINA	11,237	20.33%
INDIA	17,059	30.86%
ORANG ASLI	212	0.38%
LAIN-LAIN	384	0.69%
	55,277	100.00%

YB Pelabuan Kelang, YB Bandar Utama dan YB Sungai Panjang bertanyakan berkaitan peruntukan tahunan serta perbelanjaan terkini Skim Peduli Sihat.

Sehingga 14 Julai 2019, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak **RM72,820,411.50** sejak ianya dilancarkan pada tahun 2017. Pecahan peruntukan dan perbelanjaan mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Peruntukan (RM)	Peruntukan Tambahan (RM)	Jumlah Perbelanjaan (RM)
2017	125,000,000.00	-	11,330,122.50
2018	20,000,000.00	21,490,289.00	41,490,289.00
2019*	10,000,000.00	10,000,000.00	20,000,000.00
JUMLAH			72,820,411.50

*sehingga 14 Julai 2019

YB Pelabuan Klang dan YB Sungai Pelek bertanyakan tentang panel pemilih dan mekanisma pemutihan yang dilakukan sepanjang proses pengemaskinian data KISS dan Peduli Sihat. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Proses pengemaskinian data bagi Skim Peduli Sihat telahpun dilaksanakan sepanjang tempoh pembekuan program iaitu mulai 15 Jun 2019 hingga 15 Julai 2019.

- Proses pengemaskinian ini melibatkan proses semakan silang data penerima sedia ada Peduli Sihat dengan data peserta E-Kasih dan Bantuan Sara Hidup (BSH).
- Selepas semakan silang dibuat, pihak E-Kasih dan LHDN (BSH) telah menyerahkan senarai data berkenaan kepada Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM SUK) untuk penapisan penerima yang berpendapatan RM2000 dan ke bawah sahaja.
- Kemudian, pihak BPM akan menyerahkan kesemua data penerima tersebut kepada pihak SELCARE Management. Pihak SELCARE Management pula akan menyenaraikan data penerima mengikut DUN bermula dari pendapatan yang paling rendah sehingga RM 2000.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, keseluruhan proses pengemaskinian data ini adalah melalui sistem berkomputer dan tiada panel pemilih (bersifat manual) yang terlibat dalam proses ini.

YB Kuala Kubu Baru bertanya apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri memandangkan 37% penerima Skim Peduli Sihat yang dipilih adalah bukannya pengundi dari DUN Kuala Kubu Bharu tetapi telah mengambil kouta DUN tersebut.

Pendaftaran awal bagi Skim Peduli Sihat adalah berdasarkan tempat tinggal pemohon dan bukanlah tempat mengundi. Langkah ini diambil bagi memudahkan proses permohonan dan penyerahan kad pada masa tersebut.

Yang terakhir, **YB Bukit Lanjan** bertanya tindakan susulan untuk memastikan penduduk yang layak boleh mendapatkan Skim Peduli Sihat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan baru bagi Skim Peduli Sihat ini masih diteruskan dengan baki kuota permohonan sebanyak 9961 secara keseluruhan. Walaubagaimanapun, Kerajaan Negeri sedang mempertimbangkan proses pengagihan semula baki kuota ini kepada penerima sedia ada yang layak dan sangat memerlukan. Mekanisme pengagihan baki kuota ini masih dalam proses perbincangan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR
(N26 SUNGAI RAMAL)**

TAJUK : MASALAH INFRASTRUKTUR

79. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah keputusan hasil kajian yang dijalankan ke atas keretakan struktur tiang jambat Persiaran KWSP Sungai Tangkas?
- b) Apakah tindakan untuk menyelesaikan masalah keretakan tiang tersebut?
- c) Bilakah jangkaan masalah ini dapat diselesaikan?

JAWAPAN:

- a) Kajian masih belum siap sepenuhnya kerana masih belum mendapat permit bagi tiang-tiang yang berada dalam rezab KTMB/RAC.
- b) Keputusan tindakan akan dibuat selepas mendapat laporan penuh dari Juru Perunding hasil dari kajian yang dilakukan oleh pihak kontraktor.
- c) Masalah ini dijangka dapat diselesaikan pada penghujung tahun 2020 bergantung pada permit daripada pihak KTMB/RAC dan lantikan kontraktor bagi kerja-kerja pembaikan yang akan dilaksanakan kelak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PROGRAM PEDULI SIHAT

80. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Program Peduli Sihat ini masih diteruskan?
- b) Berapakah jumlah penerima yang telah diluluskan sehingga jun 2019
- c) Berapakah jumlah penerima baru mengikut pecahan kaum sehingga Jun 2019

JAWAPAN:

Ramai di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengemukakan soalan berkaitan Peduli Sihat. Justeru, soalan berkaitan Peduli Sihat akan dijawab bersekali dengan soalan soalan no. 30 dari YB Pandamaran, no.78 dari YB Sungai Pelek, soalan no.84 dari YB Bukit Lanjan, soalan no.163 dari YB Pelabuhan Kelang, soalan no.168 dari YB Sungai Panjang dan soalan no 232 dari YB Kuala Kubu Baru.

(a), (b) dan (c) dijawab bersekali :-

Untuk makluman Yang Ahli-ahli Berhormat, Skim Peduli Sihat merupakan salah satu langkah pencegahan yang dicetuskan oleh Kerajaan Negeri bagi menangani penyakit tidak berjangkit. Melalui program ini, masyarakat digalakkan untuk membuat saringan kesihatan bagi mengawal penyakit ke tahap yang lebih kritikal. Program ini bukanlah satu tanggungan Kerajaan Negeri untuk menampung perbelanjaan rawatan kesihatan kerana perkhidmatan rawatan kesihatan telahpun disediakan di hospital-hospital dan klinik kesihatan dengan kadar serendah RM1.00 sahaja.

Seperti yang kita semua sedia maklum, satu tempoh pengemaskinian bagi Skim Peduli Sihat telah dilakukan pada 1 Mei 2019 sehingga 31 Mei 2019. Proses pengemaskinian ini telah menetapkan syarat kelayakan yang baru seperti berikut:-

- i. Warganegara Malaysia yang lahir di Negeri Selangor atau telah menetap di Negeri Selangor melebihi 10 tahun;

- ii. Bagi kategori keluarga, pendapatan isi rumah sebanyak RM2,000 dan ke bawah;
- iii. Bagi kategori Individu, berumur 21 tahun dan keatas dan pendapatan RM1,500 dan ke bawah;
- iv. Tersenarai dalam data E-Kasih (miskin tegar dan miskin) atau penerima Bantuan Sara Hidup bagi tahun 2018; dan
- v. Pemegang kad yang aktif dalam tempoh 2 tahun.

Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 10/2019 dan disahkan pada Mesyuarat MMKN ke 11/2019 telah bersetuju menghadkan bilangan penerima manfaat kepada 65,000 kad sahaja dengan jumlah peruntukan tambahan sebanyak RM32.5 juta bagi proses pengemaskinian tersebut.

Lanjutan itu, mesyuarat MMKN ke 9/2019 yang disahkan pada mesyuarat MMKN ke 10/2019 telah bersetuju pembahagian penerima Peduli Sihat adalah mengikut Kuota iaitu berdasarkan bilangan pengundi. Bagi kawasan Dewan Negeri yang mempunyai bilangan pengundi di bawah 30,000 orang, kuota penerima Peduli Sihat adalah 700 kad dan seterusnya adalah seperti jadual di bawah :

Bil	Kategori Pengundi	Penerima Per DN
1	Pengundi Bawah 30K	700
2	Pengundi 30K-45K	1,021
3	Pengundi 45K-60K	1,381
4	Pengundi Atas 60K	1,690

YB Bukit Lanjan bertanyakan jumlah penerima Peduli Sihat sebelum penjajaran adalah sebanyak 392,798 kad dan selepas proses pengemaskinian dilakukan, sebanyak 86,004 kad adalah layak memenuhi kriteria baru. Walaubagaimanapun, berdasarkan sistem kuota yang ditetapkan, sebanyak 55,277 kad sahaja telah diaktifkan pada 1 Jun 2019.

YB Pandamaran dan YB Pelabuan Klang telah bertanyakan bilangan penerima yang telah diaktifkan mengikut Dewan Negeri selepas penjajaran adalah seperti jadual di bawah:

DUN	JUMLAH AHLI AKTIF	DUN	JUMLAH AHLI AKTIF	DUN	JUMLAH AHLI AKTIF
N01	700	N20	1,296	N39	1,377
N02	703	N21	694	N40	1,107
N03	1,021	N22	752	N41	1,382
N04	701	N23	1,153	N42	1,021
N05	700	N24	1,379	N43	1,014
N06	699	N25	1,680	N44	566
N07	1,381	N26	1,375	N45	1,360
N08	705	N27	699	N46	1,015
N09	700	N28	1,023	N47	1,375
N10	826	N29	1,353	N48	819
N11	701	N30	1,646	N49	1,369
N12	725	N31	726	N50	1,097
N13	704	N32	1,374	N51	1,018
N14	1,430	N33	1,035	N52	1,018
N15	941	N34	450	N53	1,014
N16	1,014	N35	362	N54	698
N17	790	N36	294	N55	1,392
N18	1,154	N37	864	N56	704
N19	1,101	N38	1,019		

YB Sungai Air Tawar meminta maklumat pecahan penerima Peduli Sihat selepas Penjajaran mengikut Kaum. Berikut adalah pecahan penerima mengikut kaum:

BANGSA	JUMLAH AHLI	PERATUSAN (%)
MELAYU	26,385	47.73%
CINA	11,237	20.33%
INDIA	17,059	30.86%
ORANG ASLI	212	0.38%
LAIN-LAIN	384	0.69%
	55,277	100.00%

YB Pelabuhan Kelang, YB Bandar Utama dan YB Sungai Panjang bertanyakan berkaitan peruntukan tahunan serta perbelanjaan terkini Skim Peduli Sihat.

Sehingga 14 Julai 2019, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak **RM72,820,411.50** sejak ianya dilancarkan pada tahun 2017. Pecahan peruntukan dan perbelanjaan mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Peruntukan (RM)	Peruntukan Tambahan (RM)	Jumlah Perbelanjaan (RM)
2017	125,000,000.00	-	11,330,122.50
2018	20,000,000.00	21,490,289.00	41,490,289.00
2019*	10,000,000.00	10,000,000.00	20,000,000.00
JUMLAH			72,820,411.50

*sehingga 14 Julai 2019

YB Pelabuhan Klang dan YB Sungai Pelek bertanyakan tentang panel pilih dan mekanisma pemutihan yang dilakukan sepanjang proses pengemaskinian data KISS dan Peduli Sihat. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Proses pengemaskinian data bagi Skim Peduli Sihat telahpun dilaksanakan sepanjang tempoh pembekuan program iaitu mulai 15 Jun 2019 hingga 15 Julai 2019.

- Proses pengemaskinian ini melibatkan proses semakan silang data penerima sedia ada Peduli Sihat dengan data peserta E-Kasih dan Bantuan Sara Hidup (BSH).
- Selepas semakan silang dibuat, pihak E-Kasih dan LHDN (BSH) telah menyerahkan senarai data berkenaan kepada Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM SUK) untuk penapisan penerima yang berpendapatan RM2000 dan ke bawah sahaja.
- Kemudian, pihak BPM akan menyerahkan kesemua data penerima tersebut kepada pihak SELCARE Management. Pihak SELCARE Management pula akan menyenaraikan data penerima mengikut DUN bermula dari pendapatan yang paling rendah sehingga RM 2000.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, keseluruhan proses pengemaskinian data ini adalah melalui sistem berkomputer dan tiada panel pemilih (bersifat manual) yang terlibat dalam proses ini.

YB Kuala Kubu Baru bertanyakan apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri memandangkan 37% penerima Skim Peduli Sihat yang dipilih adalah bukannya pengundi dari DUN Kuala Kubu Bharu tetapi telah mengambil kouta DUN tersebut.

Pendaftaran awal bagi Skim Peduli Sihat adalah berdasarkan tempat tinggal pemohon dan bukanlah tempat mengundi. Langkah ini diambil bagi memudahkan proses permohonan dan penyerahan kad pada masa tersebut.

Yang terakhir, **YB Bukit Lanjan** bertanyakan tindakan susulan untuk memastikan penduduk yang layak boleh mendapatkan Skim Peduli Sihat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan baru bagi Skim Peduli Sihat ini masih diteruskan dengan baki kuota permohonan sebanyak 9961 secara keseluruhan. Walaubagaimanapun, Kerajaan Negeri sedang mempertimbangkan proses pengagihan semula baki kuota ini kepada penerima sedia ada yang layak dan sangat memerlukan. Mekanisme pengagihan baki kuota ini masih dalam proses perbincangan.